

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MEI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Indeks harga pengeluar turun - 3.0 peratus April 2022

Indeks harga pengeluar turun – 3.0 peratus April 2023

KUALA LUMPUR - Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia merosot kepada -3.0 peratus pada April lalu daripada -2.9 peratus pada Mac 2023, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Penguncupan IHPR bagi April disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan serta perlombongan, kata DOSM dalam satu kenyataan pada Isnin.

Jabatan itu berkata, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan terus menunjukkan trend negatif selama 10 bulan berturut-turut, merekodkan -26.0 peratus berbanding -28.7 peratus pada Mac.

Sementara itu, sektor perlombongan turut mencatatkan penurunan -4.7 peratus pada April lalu berbanding -11.5 peratus pada bulan sebelumnya.

Ia adalah kesan kejatuhan indeks peng-

ekstrakan petroleum mentah -12.5 peratus.

Pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan mencatatkan peningkatan marginal 0.2 peratus pada April lalu berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya.

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat 0.8 peratus, disebabkan peningkatan dalam indeks penanaman tanaman kekal (1.1 peratus), sementara sektor perlombongan mencatatkan peningkatan 0.5 peratus, seiring dengan peningkatan indeks pengekstrakan petroleum mentah (1.5 peratus).

Sektor pembuatan pula mencatatkan peningkatan perlahan 0.1 peratus disebabkan oleh indeks pembuatan produk makanan (0.9 peratus) dan pembuatan kimia serta produk kimia (0.7 peratus).

Sektor bekalan elektrik dan gas pula turun kepada -0.6 peratus berbanding 0.5

peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya, manakala sektor bekalan air kekal tidak berubah.

DOSM turut menjelaskan bahawa ketidaktentuan harga terutamanya dalam tenaga dan produk makanan memberi kesan kepada indeks harga pengeluar di kebanyakan negara.

IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.3 peratus selepas peningkatan 2.7 peratus pada Mac 2023 yang boleh dilihat pada permintaan makanan akhir terutama dalam indeks buah-buahan segar dan tembikai serta telur untuk kegunaan segar.

Bagaimanapun, inflasi pengeluar India turun -0.9 peratus (Mac 2023: 1.3 peratus) pertama kali sejak Julai 2020, manakala harga pengeluar China pula turun -3.6 peratus berbanding -2.5 peratus pada bulan sebelumnya. - *Bernama*